



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 18 Julai 2022

1	Isu ayam : ibarat 'gali lubang, kambus lubang'?
2	Masalah lembu berkeliaran

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Isu ayam: Ibarat 'gali lubang, kambus lubang'?

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tindakan membenarkan syarikat gergasi mengekspor ayam sejuk beku ke Singapura tetapi pada masa sama terpaksa mengimport dari Thailand ibarat 'gali lubang, kambus lubang' berhubung sekatan jualan ke negara jiran itu sebelum ini.

Sumber dalaman industri berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bertanggungjawab memberi penjelasan kerana pihaknya mengesyaki terdapat percaturan di sebalik sekatan itu yang bertujuan menguntungkan kartel ayam di negara ini.

"MAFI harus jujur menjelaskan kepada rakyat, pertama sekali apakah yang dimaksudkan sebagai sekatan eksport ayam ke Singapura yang berkuatkuasa 1 Jun lalu? Ayam jenis apakah yang dilarang diekspor ke sana?"

"Kalau ayam hidup, apakah jaminan bahawa syarikat gergasi yang sekarang mengekspor ayam sejuk beku sebagai alternatif, mereka ini tidak memanipulasi kelompongan dalam rantaian bekalan tersebut? Maksudnya, mereka boleh saja sembelih ayam hari ini, bekukan dan dua hari kemudian, mereka eksport ayam terse-



BUAT masa ini eksport ayam ke Singapura dihentikan sementara bagi membolehkan kerajaan memastikan bekalan dalam negara mencukupi sekali gus menstabilkan harganya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

but ke Singapura," kata sumber.

Sumber yang juga antara arkitek penubuhan Federasi Ternakan Ayam yang ditubuhkan baru-baru ini berkata, jika matlamat menghentikan sementara eksport ayam kerana mahu memerangi kartel yang berterusan mengekplotasi bekalan dan pasaran ayam, maka langkah itu dilihat gagal kerana syarikat gergasi industri masih menguasai bekalan eksport ayam sejuk beku ke Singapura.

"Kononnya serius mahu memerangi kartel. Tapi realitinya, kartel berjaya mencaturkan dengan mengelirukan rakyat.

"Mereka beri alasan sektor ternakan ayam di bawah mereka terjejas sebab tak boleh eksport ayam ke Singapura sedangkan banyak modal dikeluarkan. Tapi di belakang tabir kartel itu sendiri masih berterusan diberi kelonggaran eksport ayam sejuk beku pula ke Singapura," dakwa sumber.

Malah sumber mendakwa, pihaknya difahamkan susulan mengekspor ayam beku ke Singapura, negara terpaksa pula mengisi kekosongan mengimport ayam beku dari Thailand.

"Bukankah ini dikatakan gali lubang, kambus lubang? Bukankah ini merugikan negara? Jelas sekali, kita kerugian dari segi tukaran asing kerana bayaran ayam beku meskipun dari Thailand, tetap dalam dolar Amerika Syarikat," katanya.

Masalah lembu berkeliaran

DIDAPATI banyak lembu berkeliaran di atas jalan raya di pekan Kapar, Klang dan sekitarnya. Lembu- lembu ini keluar dari kebun sawit. Mohon pihak berwajib ambil tindakan. Seperkara lagi, peniaga dan pemilik

kedai yang meletakkan barang niaga mereka di lot parkir. Ada yang sewa dua lot parkir tetapi meletak barang niaga sehingga lima lot parkir. Aduan juga telah banyak kali dibuat. - *Nazri Shuib*